



### A. Syarat Penyertaan

1. Cabaran Video Seminit ini terbuka kepada **warga sistem kesihatan negara** dari semua peringkat dan sektor kesihatan iaitu dari ibu pejabat KKM, jabatan kesihatan negeri, pejabat kesihatan daerah, hospital, institut, kolej, klinik-klinik, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertahanan dan sektor kesihatan swasta.
2. Penyertaan adalah mewakili bahagian, jabatan atau unit tempat anda bertugas dan tiada had penyertaan tetapi hanya **layak memenangi satu hadiah sahaja**.
3. Penyertaan adalah secara berkumpulan tanpa had bilangan ahli kumpulan.
4. Kelayakan projek untuk menyertai Cabaran Video Seminit adalah berdasarkan kriteria berikut:
  - 4.1 Ia merupakan projek penambahbaikan kualiti yang menggunakan pendekatan *Quality Assurance/Quality Improvement*.
  - 4.2 Ia merupakan projek QA/QI yang telah lengkap (selesai dijalankan/dilaksanakan).
  - 4.3 Terbuka kepada projek QA/QI baharu, atau projek yang pernah dibentangkan dalam mana-mana konvensyen/seminar/pertandingan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
  - 4.4 Ia bukan projek QA/QI yang sama yang dipertandingkan bagi kategori lisan atau poster dalam Konvensyen QA Kebangsaan pada tahun semasa.
  - 4.5 Video belum pernah dipertandingkan dan/atau memenangi (tempat pertama, kedua atau ketiga) dalam Konvensyen QA Kebangsaan yang lepas dalam kategori video pendek.
  - 4.6 Video belum pernah dipertandingkan dan/atau memenangi (tempat pertama, kedua, ketiga atau sebarang anugerah) dalam mana-mana konvensyen/seminar/pertandingan/persidangan di peringkat kebangsaan dalam kategori video.
5. Spesifikasi video adalah seperti berikut:
  - 5.1 Karya asli peserta.
  - 5.2 Bertemakan ***Compassionate Co-production***.
  - 5.3 **Tidak boleh** mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti agama, budaya dan adat resam mana-mana kaum di Malaysia.

- 5.4 Berdurasi **1 minit sahaja**.
- 5.5 Format **MP4** sahaja.
- 5.6 Resolusi minimum adalah **Full HD 1080p (1920 X 1080 pix)**.
- 5.7 Muzik yang digunakan berstatus bebas royalti. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran **akta hak cipta**.
- 5.8 Video boleh disediakan dalam dua bahasa sahaja iaitu Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
6. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak mengikut kriteria kelayakan penyertaan projek dan spesifikasi video seperti di atas.
7. Langkah-langkah untuk pencalonan projek (Rajah 1);
  - 7.1 Daftar projek melalui laman sesawang rasmi Konvensyen QA Kebangsaan 2024: <https://qaconvention.nih.gov.my> bermula **15 April 2024 sehingga 30 Ogos 2024**. Pendaftaran selepas 30 Ogos 2024 akan ditolak.
  - 7.2 Muat turun borang persetujuan (Lampiran A2).
  - 7.3 Lengkapkan borang persetujuan.
  - 7.4 Muat naik borang persetujuan dan pautan video ke <https://qaconvention.nih.gov.my> sebelum atau pada **30 Ogos 2024**.
8. Pencalonan akan disaring dan pemakluman video yang terpilih untuk bertanding bermula dari **13 September 2024**.

## **B. Tuntutan Hak Cipta**

1. Kesemua penyertaan adalah menjadi **hak milik pihak penganjur**.
2. Pihak penganjur berhak untuk menerbitkan, mengeluarkan, memaparkan, mengedar, menyunting dan menayangkan mana-mana hasil karya penyertaan untuk sebarang tujuan. Justeru, semua penyertaan tidak boleh dimuat naik di mana-mana media sosial sebelum mendapat kebenaran pihak penganjur. Video yang digunakan akan dikreditkan kepada pemilik karya.
3. Semua video yang layak dipertandingkan akan dipaparkan semasa Konvensyen QA Kebangsaan kali ke-12 yang akan berlangsung pada 8 – 10 Oktober 2024 mengikut jadual yang akan dimuktamadkan kemudian.

## **C. Hadiah dan Keputusan Pertandingan**

1. Hadiah wang tunai dan sijil penghargaan akan diberikan kepada tiga (3) pemenang utama. Sijil penyertaan akan diberikan kepada projek yang terpilih untuk bertanding.

2. Setiap karya akan dinilai keaslian, isi kandungan, konsep, keupayaan mesej dan kreativiti serta kualiti produksi oleh panel juri hakim yang telah dilantik oleh pihak penganjur. Kriteria pemarkahan adalah berpandukan kepada pembahagian berikut:

<b>Komponen</b>	<b>Peratusan Markah</b>
Kreativiti	10%
Jalan cerita	10%
Imej jelas dan mudah difahami	10%
Transisi antara isi penting	10%
Kesesuaian audio	10%
<i>Motion effect</i>	10%
Komponen QA/QI	40%

3. Pemenang pertandingan akan diumumkan semasa konvensyen berlangsung dan platform media sosial penganjur yang bersesuaian.
4. Penilaian adalah 100% berdasarkan penghakiman. Keputusan hakim adalah **muktamad**. Sebarang rayuan dan bantahan tidak akan dipertimbangkan.
5. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pihak penganjur melalui e-mel ataupun nombor telefon:

Cabaran Video Seminit:

Pn Mariyah Mohamad

([qasecretariat@moh.gov.my](mailto:qasecretariat@moh.gov.my))

Tel: 03-33628553



Rajah 1: Carta alir penyertaan cabaran video seminit sempena Konvensyen QA Kebangsaan kali ke-12 2024